Bab 7 Membina Kesejahteraan Negara

1. Berdasarkan penyataan berikut, padankan kesan dasar pentadbiran British yang betul.

a) Pekerja luar dibawa masuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan. Kaum bumiputera bertumpu di luar bandar dan menjalankan ekonomi tradisional

b) Kemunculan sistem pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

c) Kegiatan ekonomi berbeza antara kaum menyebabkan pemisahan dari segi petempatan dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang antara kaum.

d) Penubuhan parti politik dengan fahaman politik berasaskan kaum dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing.

- Sistem Pendidikan
- Fahaman politik
- Dasar pentadbiran
- Kegiatan ekonomi dan petempatan

2. berdasarkan usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional berikut, nyatakan sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

| Usaha Memperkasakan Perpaduan Dan Integrasi Nasional | Bidang |
|---|---|
| a) Memperkenalkan Rukun Negara sebagai tunjang kesetiaan rakyat. | Sosial |
| b) Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional | |
| c) Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996 | |
| d) Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara | |
| e) Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah termasuk di Sabah dan Sarawak | |
| f) Memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas di Bayan Lepas, Pelabuhan Klang dan Pasir Gudang | |
| g) Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik. | |
| h) Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan | |

1 Politik

2 Ekonomi

3 Sosial

LIVEWORKSHEETS